



# **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

## **BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1  
MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN  
PERSEKUTUAN**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA  
KEWANGAN DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI  
PERSEKUTUAN TAHUN 2019**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 1 MENGENAI  
AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat secara bersiri seperti mana amalan tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2020 ini, Jabatan Audit Negara telah membuat tiga (3) kali pembentangan di Dewan Rakyat, iaitu:

**(a) Pembentangan LKAN pada 14 Julai 2020:**

- (i) LKAN Tahun 2018 Siri 3 bagi Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; dan

- (ii) LKAN Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Syarikat Kerajaan Negeri bagi 12 negeri (tiada LKAN bagi Negeri Perlis).

**(b) Pembentangan LKAN pada 24 Ogos 2020:**

- (i) LKAN Pengauditan Pematuhan Kementerian Dan Jabatan Persekutuan Tahun 2019; dan
- (ii) LKAN Tahun 2019 Siri 1 bagi Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan.

**(c) Pembentangan LKAN pada 5 November 2020:**

- (i) LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019; dan
- (ii) LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/ Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2019 melibatkan 13 negeri.

2. Laporan yang dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada kali ini iaitu pada 10 Disember 2020 terdiri daripada 15 naskhah seperti berikut:

**(a) Dua (2) naskhah LKAN peringkat Persekutuan iaitu:**

- (i) LKAN Tahun 2019 Siri 1 bagi Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; dan
- (ii) LKAN mengenai Penyata Kewangan Dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019.

- (b) 13 naskhah LKAN peringkat negeri iaitu LKAN Tahun 2019 Siri 1 bagi Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri.
3. LKAN pada kali ini dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat secara digital melalui penggunaan *card drive* tanpa buku yang dicetak. Pendekatan ini dilaksanakan setelah mendapat maklum balas *affirmative* dari segi perundangan. Selain itu, ia juga bagi menyahut saranan YB Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawan 2021 berhubung kaedah *paperless* yang lebih mudah dan menjimatkan. Edaran kepada kementerian/jabatan/agensi dan *stakeholders* termasuk media, juga dibuat secara digital melalui *card drive* dan *QR Code*.
  4. Pada hari pembentangan, Jabatan Audit Negara juga memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama penemuan Audit yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.
  5. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

#### **5.1. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan**

- (a) Pengauditan prestasi terhadap aktiviti Kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan

antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada aktiviti/projek/program Kerajaan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek/program ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat, cekap dan berkesan tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- (b) Bagi LKAN Tahun 2019 Siri 1, sebanyak 15 pengauditan prestasi bernilai RM15.712 bilion telah dilaksanakan melibatkan program/aktiviti/projek di 12 kementerian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak tujuh (7) pengauditan melibatkan kategori projek, sebanyak empat (4) pengauditan melibatkan kategori program manakala satu (1) pengauditan masing-masing untuk kategori perolehan, penyenggaraan, sistem/ICT dan dana.
- (c) Secara umumnya, program/aktiviti/projek Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran output dan *outcome* yang ditetapkan tidak dapat dicapai atau tidak boleh dinilai. Hal ini kerana sasaran kuantitatif, mekanisme dan indikator tidak ditetapkan, serta data berkaitan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Isu-isu lain yang

dilaporkan antaranya adalah pembayaran tidak teratur, kelemahan pentadbiran kontrak, kerja/bekalan/perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi/tidak berkualiti, pembaziran serta ketidakcekapan dalam pengurusan aset dan pungutan hasil Kerajaan. Selain itu, masih berlaku juga kelemahan di peringkat perancangan dalam menentukan skop dan kos projek terutama bagi projek PPP/PFI.

- (d) Bagi membolehkan tindakan pembedahan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 62 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan.

## **5.2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019**

### **(a) Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan Tahun 2019**

- (i) Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 148 agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2019. Setakat 30 September 2020, daripada 148 agensi Persekutuan, sebanyak 69 penyata kewangan tahun 2019 telah siap diaudit, sementara 77 penyata kewangan masih dalam proses pengauditan. Dua (2) penyata kewangan lagi masih belum diterima. Kedudukan penyata kewangan

yang telah siap diaudit adalah seperti jadual berikut:

<b>JENIS SIJIL</b>	<b>BILANGAN PENYATA KEWANGAN</b>
Pendapat Tanpa Teguran	51
Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matters</i> (EOM)	11
Pendapat Berteguran	7
<b>Jumlah</b>	<b>69</b>

- (ii) Daripada 51 penyata kewangan agensi Persekutuan tahun 2019 yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran, sebanyak empat (4) Sijil Ketua Audit Negara mempunyai perenggan Hal-Hal Lain (*Other Matter*) manakala satu (1) mempunyai perenggan Perkara Utama Audit (*Key Audit Matter* – KAM).

**(b) Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019**

- (i) Pengauditan pematuhan terhadap agensi Persekutuan diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang

dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

- (ii) Pada tahun 2019, sebanyak 16 pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap 16 agensi Persekutuan yang merangkumi sembilan (9) program/projek, empat (4) berkaitan perolehan, dua (2) kontrak dan satu (1) melibatkan pinjaman. Isu ketidakpatuhan yang dibangkitkan adalah bernilai RM336.12 juta melibatkan amaun yang perlu dikutip balik oleh lima (5) agensi Persekutuan berjumlah RM70.19 juta, satu (1) agensi Persekutuan perlu membuat bayaran balik sejumlah RM21.78 juta dan berlaku ketirisan/kerugian bagi 13 agensi Persekutuan bernilai RM244.15 juta.
- (iii) Isu pengauditan pematuhan ini merupakan isu tahun semasa (2019) yang mana tindakan boleh diambil untuk mengutip amaun yang terlebih bayar, terkurang kutip dan tindakan punitif terhadap salah laku pegawai sekiranya ada. Selain itu, tindakan pembetulan dan penambahbaikan terhadap prosedur operasi standard (SOP) perlu dibuat dengan segera.

(iv) Justeru itu, Ketua Audit Negara telah mengemukakan sebanyak 48 syor Audit untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh agensi Persekutuan yang diaudit.

### **5.3. LKAN Tahun 2019 Siri 1 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2019 Siri 1**

(a) Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan prestasi terhadap 16 program/aktiviti/projek yang melibatkan 3 kementerian (di Sabah dan Sarawak) dan 22 jabatan/agensi kerajaan negeri. Selain itu, pengauditan pengurusan syarikat telah dijalankan terhadap 10 syarikat kerajaan negeri. Keseluruhan bilangan laporan yang dimasukkan dalam LKAN pada kali ini adalah 26.

(b) Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 123 syor untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian/jabatan/agensi negeri serta syarikat kerajaan negeri yang berkenaan.

6. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) juga telah diadakan bagi



tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit.

7. LKAN Tahun 2019 Siri 1 bagi Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan; dan LKAN mengenai Penyata Kewangan Dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 10 Disember 2020 selepas jam 10 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri hanya akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangnya di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Isu-isu dalam LKAN Tahun 2019 Siri 1 juga akan dimuat naik di Portal *Auditor General's Dashboard* (AGD) pada 10 Disember 2020 mulai jam 3 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/ pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
Malaysia

10 Disember 2020